

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic
Partners:



Lembaga Muzium
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat
University, Thailand



Far Eastern University
Philippines



Hanseo University
Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1


Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz ibrahim
 Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjualan
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com

Nur Fathehah Mohd Noor Mohd Zamri Azizan

19-Jahat



NUR FATHEHAH MOHD NOOR
19-Jahat

8 in x 8 in x 8 in
Mixed Media
nrfathehah@gmail.com



COVID-19 telah diumumkan sebagai pandemik ketika penghujung tahun 2019. Sehingga kini virus ini kian meledak dengan rakus melumpuhkan status ekonomi sesebuah negara. Virus yang terlalu mikro ini mampu membunuh jutaan manusia yang kini masih tiada penawarnya. Virus yang kian berleluasa ini masih lagi tiada penamatnya dengan jumlah pertambahan pesakit yang kian melonjak setiap hari.

Malaysia dalam kepenatan dari segi ekonomi, mental dan fizikal namun perlu terus bersemangat untuk berjuang dan mengekang pandemik ini sehabis mungkin dari terus menjajah seluruh pelusuk negara.

Walaupun pengkarya masih 'hijau' dalam penghasilan karya seni namun niat untuk membantu negara dalam kempen berbentuk kesedaran kepada masyarakat tetap ada biarpun hanya dengan sebuah arca seni. Sekurang-kurangnya dengan terciptanya karya ini ianya dapat memberi sumbangan kecil pengkarya kepada negara melalui pendekatan seni yang diolah semula untuk memberikan satu persepsi tentang status pandemik yang kian mengganas dewasa ini. Pengkarya mendapat ilham untuk menghasilkan karya seni yang bertemakan covid-19 ini setelah saban hari disajikan dengan berita-berita tentang covid-19 yang tidak putus-putus dengan rakusnya meragut nyawa manusia seluruh pelusuk dunia secara drastik.

Warna merupakan elemen seni yang penting dalam sesebuah karya. Warna juga menginterpretasi pernyataan seni. Dengan warna juga ianya dapat membentuk pelbagai takrifan persepsi seni. Penghasilan stem-stem struktur virus covid-19 dalam arca ini diolah semula dan diaplikasi dengan kesan berwarna merah agar kiasan sifat virus yang rakus, garang atau ganas itu dapat dijelmakan sebagai satu realiti sebenar virus. Stem-stem ini juga diolah dengan pelbagai saiz dan distailisasikan dengan harapan dapat menyuntik wajah baru sebagai satu pernyataan seni yang berbeza.


Media adalah sesuatu yang penting dalam pernyataan seni. Pemilihan media yang tepat perlu dititikberatkan agar dapat memberikan satu persembahan karya yang berkesan di jiwa penonton. Media berupa reben dipilih untuk membaluti 'paper clay' yang merupakan hasil garapan pengkarya sendiri dan diolah secara rawak agar dapat menzahirkan kesan radikal terhadap virus ini yang sememangnya bersifat subjektif. Pilihan warna yang agak suram dan pudar pada keseluruhan arca ini pula membantu stem-stem yang timbul berselang-seli tersebut agar dapat menonjol dan dominan ke depan melalui warna yang lebih kontra. Ini memberikan satu kesan dramatik terhadap karektor virus itu sendiri. Tambahan pula, saiz stem-stem tersebut adalah berbeza dan tidak simetri antara satu sama lain bagi menunjukkan sedikit gambaran realiti sebenar virus ini yang bersifat sebagai pembunuh tidak mengira mana jua tempat atau persekitaran. Beberapa stem di bahagian bawah sengaja diletakkan dalam keadaan berbeza untuk memberi sokongan dan kestabilan pada arca ini. Arca ini juga dibalut beberapa kali untuk menutupi bentuk asasnya agar dapat memberi satu keberatan yang maksima disamping warna-warna reben tadi dibalut mengikut turutan intensiti warna bagi menghasilkan tonal yang padu.

Karya ini amat penting kerana ia memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada semua pihak khususnya kepada masyarakat di luar sana agar lebih prihatin terhadap pandemik yang sedang kita lalui dewasa ini. Pelbagai kempen telah dihasilkan sentiasa terpampang setiap hari di media sosial dan media elektronik demi untuk memberi info situasi semasa keadaan pandemik terkini. Justeru penghasilan arca ini sedikit sebanyak mampu memberi sumbangan dan kesedaran berbentuk seni secara metafora tentang pandemik yang sedang dihadapi oleh rakyat seluruh dunia agar terus berjuang mengekang virus ini dari terus melenyapkan seluruh bangsa di muka bumi ini.

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1



9 789672 948131

